

Application of *Maqasid Syariah* in The Act 355 Amendment Proposal (Criminal Jurisdiction): An Analysis Study

Wan Mohd Amjad Bin Wan Halim^{1*}, Ahmad Nur Amsyar Bin Zainal², Nur Madiyah Binti Zainol Abidin³

¹*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 02600, Arau, Perlis*

²*Pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*

³*Calon Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

Corresponding author: *amjadhalim@uitm.edu.my

Received Date: 3 December 2018

Accepted Date: 30 December 2018

ABSTRACT

The discourse about maqasid shariah had been discussed by fiqh scholars since decade. Despite that, the current execution proposal as such the Act 355 Amendment Proposal (Criminal Jurisdiction) is considered as contemporary issue that has caused dilemma amongst the Muslims in Malaysia. This situation said to be rooted from the misinterpretation of both Muslims and non-Muslims community about the implementation of maqasid shariah in the former execution. Thus, this research aims to study about maqasid shariah and its content in the Shariah law application and the implementation of Shariah Law by focusing on the Act 355 Amendment Proposal (Criminal Jurisdiction), Shariah Law Act. Researcher applies qualitative method through library study and data-analysis from different thoughts of fuqaha and Muslim scholars. From the observation, researcher finds that studies about concept of maqasid shariah has been carried out by both classic and contemporary fuqaha, but specific study about maqasid shariah in the Syariah criminal law in Malaysia is still lacking amongst the Muslim scholars.

Keywords: *Act 355 Amendment Proposal, Maqasid Syariah*

Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang Akta 355: Satu Kajian Analisis

ABSTRAK

Perbahasan mengenai maqasid shariah sebenarnya telah dikupaskan oleh fuqaha' sejak sekian lamanya. Walaupun begitu, cadangan pelaksannya kini seperti cadangan pindaan Rang Undang-Undang 355 merupakan isu baru yang menjadikan sebahagian umat Islam di Malaysia berada dalam keadaan dilema. Keadaan ini boleh dikatakan berpunca daripada kesalahfahaman masyarakat sama ada dalam kalangan muslim atau non-muslim terehadap pengaplikasian maqasid shariah dalam cadangan tersebut. Kajian ini bertujuan mengkaji maqasid shariah dan kandungannya dalam pelaksanaan undang-undang shariah dengan menumpukan kepada cadangan pindaan rang undang-undang Akta 355 (Bidangkuasa Jenayah) Akta Mahkamah Shariah. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan membuat kajian kepustakaan dan menganalisis data-data melalui pendapat-pendapat fuqaha' dan sarjana Islam. Berdasarkan tinjauan yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai konsep maqasid shariah

telah pun rancak di buat oleh fuqaha' samada fuqaha klasik mahupun kontemporari, namun kajian yang khusus mengenai maqasid shariah di sebalik undang-undang jenayah shariah di Malaysia kurang mendapat perhatian para sarjana Islam.

Kata kunci: *Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang 355, Maqasid Syariah*

PENDAHULUAN

Objektif utama disyariatkan undang-undang jenayah di dalam Islam adalah untuk mendidik manusia agar menjadi manusia yang sempurna, mampu memberi manfaat kepada insan, alam dan mencegah segala kemungkaran di atas muka bumi. Perkara sebegini telah menjadi objektif khusus pensyariatan hukuman. Allah S.W.T mensyariatkan hukuman khususnya untuk memelihara kemaslahatan secara umum di atas muka bumi. Jika kita meneliti dengan kelogikan akal fikiran, tidak ada undang-undang yang memberikan layanan yang sama terhadap orang baik dan orang jahat. Tidak ada undang-undang yang membela orang-orang jahat dengan memberi kebebasan kepada mereka. Apa yang membezakan adalah kadar kejahatan yang dilakukan oleh penjenayah tersebut. Pelbagai hukuman telah diwujudkan oleh pemerintahan dunia bagi menghalang segala kejahatan seperti hukuman bunuh, penjara, perampasan harta dan sebagainya. Kesemuanya hanyalah untuk memelihara kemaslahatan dalam kehidupan manusia.

Islam amat menitikberatkan kebijakan umatnya, kerana itulah syari'at telah menetapkan hukuman untuk dilaksanakan terhadap mereka yang cuba untuk menodai keamanan di muka bumi. Penjagaan di sebalik pensyariatan hukuman adalah berdasarkan lima perkara yang lebih dikenali sebagai *maqasid sya'riyyah*. Antaranya adalah pemeliharaan ke atas nyawa, pemeliharaan ke atas akal, pemeliharaan ke atas harta benda, pemeliharaan ke atas keturunan dan pemeliharaan ke atas agama. Dalam usaha untuk memelihara lima perkara ini, Allah S.W.T telah menetapkan hukuman yang perlu dipatuhi oleh umat manusia. Apabila umat manusia mematuhi setiap peraturan yang diatur oleh Allah S.W.T, maka objetif utama di sebalik pensyariatan hukuman Allah S.W.T pasti akan tercapai (Abd Ghani, 1997).

Cadangan pindaan Rang Undang-Undang 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) mempunyai maqasid syariah yang tersendiri serta dilihat dapat memberi nafas baru dalam pengukuhan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

LATAR BELAKANG RANG UNDANG-UNDANG 355 AKTA MAHKAMAH SYARIAH (BIDANGKUASA JENAYAH)

Akta Mahkamah Syariah 1965 sebelum pindaan 1984 memperuntukkan hukuman dalam bidang kuasa jenayah iaitu hanya 6 bulan penjara, denda RM1,000 atau kedua-dua sekali. Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa Jenayah memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman, iaitu tidak melebihi 3 tahun penjara, denda lima ribu ringgit (RM5,000) dan enam kali sebatan sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 2 akta yang dipinda pada tahun 1984 dan disemak pada tahun 1988 (Akta 355).¹

"Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana mana undang undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidangkuasa ke atas orang orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai ii bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kesalahan terhadap rukun rukun agama Islam oleh orang orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana mana undang undang bertulis. Dengan

¹ Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), 1965, Seksyen 2 Akta 355

syarat bahawa kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan enam kali atau apa apa gabungan hukuman hukuman tersebut.”

Bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Mahkamah Syariah ini boleh dikatakan terlalu sempit kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sangat terhad. Tanggal 26 Mei 2016, cadangan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) dalam Dewan Rakyat telah dibentangkan oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang merupakan Ahli Parlimen Marang. Cadangan Pindaan RUU 355 itu bertujuan bagi meluaskan bidangkuasa Mahkamah Syariah khususnya dalam bidang kuasa jenayah 1965 yang selama ini memperuntukkan Mahkamah Syariah supaya hanya boleh mengenakan hukuman maksimum tempoh tiga tahun bagi penjara, denda maksimum sebanyak RM 5000 dan enam sebatan rotan sahaja. Cadangan yang dikemukakan adalah meningkatkan hukuman maksimum kepada apa hukuman yang setimpal dengan hukum syarak selain hukuman mati.² Cadangan pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Bidangkuasa Jenayah adalah seperti berikut:

- i. menggantikan Seksyen 2 dengan seksyen berikut:³

“2. mahkamah syariah akan mempunyai kuasa ke atas seseorang pengikut agama Islam dan di dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Butiran 1 Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan Undang-undang Persekutuan.”; dan

- ii. memasukkan selepas Seksyen 2 dengan seksyen berikut:

“2A dengan menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan di atas selain dari hukuman mati.”

Cadangan pindaan ini sebenarnya mengikut proses perundangan yang betul serta tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebelum berlaku campur tangan oleh penjajah Inggeris, Qadhi yakni hakim mempunyai bidang kuasa dalam jenayah Syariah yang luas yang mana kemudiannya skop bidang kuasa tersebut dikecilkan oleh pihak Inggeris.⁴

MEKANISME MAQASID SYARIAH

Pengkaji menemukan beberapa kupasan ulama' silam dan kontemporari yang mengupaskan maksud *maqasid syariah*. Ibn Manzur mengupas dalam kitabnya *lisanul arab* bahawa perkataan *maqasid* merupakan perkataan *jama'* kepada *maqsad* iaitu *masdar mimiy* kepada *qasada* (قصد) dari segi bahasanya yang mengistilahkan maksud punca, pegangan, sasaran, adil, sederhana dan kebenaran. Dalam erti kata yang lain, *maqasid syariah* membawa maksud tujuan atau objektif kepada sesuatu perkara atau perintah (Ibn Manzur, t.th). Konsep *maqasid al-syariah* adalah salah satu bahagian daripada disiplin ilmu Syariah, iaitu *usul al-fiqh* yang diperkenalkan oleh Imam al-Juwaini dalam kitabnya, *al-Burhan* dan Imam al-Ghazzali dalam kitabnya, *al-Mustasfa* (Ahmad al-Raysuni, 1995). Perbahasan mengenai *maqasid al-syariah* telah dikembangkan oleh Imam al-Syatibi dalam karangannya iaitu *al-Muwafaqat* dan pada abad ke-20 munculnya Ibn Asyur dengan penulisan dalam kitabnya, *Maqasid al- Syariah al-Islamiyyah* (Ibn 'Asyur, 1946).

Cendekiawan Islam seperti al-Syatibi mengindikasikan bahawa syariat Islam dibina bagi tujuan menjamin kepentingan dan kemaslahatan umat manusia sama ada di dunia atau akhirat. Hal ini bermaksud bahawa syariat Islam diturunkan untuk memelihara umat manusia daripada membinasakan diri mereka sendiri sama ada perbuatan itu mendapat kebinasaan di dunia atau mendapat kebinasaan di akhirat kelak (Al-Syatibi, 1998). Ibn Qayyim pula mengistilahkan *maqasid syariah* dengan nada yang sama, iaitu syariat

² Senarai Penyata Rasmi (Hansard) Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas, 2016

³ Senarai Penyata Rasmi (Hansard) Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas, 2016, hlm 65

⁴ Laman sesawang HarakahDaily, <http://www.harakahdaily.net.my/index.php/kesatuan-fikrah/41803-pindaan-ruu-355-menyelusuri-sejarah>, dicapai pada 3 Jun 2018.

Islam bersifat adil secara keseluruhannya, membawa maslahah kepada umat manusia, memayungi rahmat kepada semua manusia serta mempunyai hikmat yang sangat tinggi secara holistik. Maka setiap permasalahan yang membawa kepada maslahah tetapi menjadi mafsadah, daripada kebijaksanaan kepada kejahilan, maka semuanya bukan dari syariat Islam yang sebenar (Ibn Qayyim, T.th).

Al-‘Izz Abdul Salam pula menyifatkan *maqasid syariah* merangkumi segala perintah Allah yang diturunkan untuk ditaati oleh hamba-hambanya agar mendapat kepentingan di dunia dan di akhirat kelak. Perlu untuk kita fahami bahwasanya Allah S.W.T tidak memerlukan ketaatan dan ibadah manusia sebagai penguatnya (Al-‘Izz al Din, 1980). Tokoh ilmuan Islam memasukkan perkara-perkara tersebut sebagai asas kepada maqasid syariah. Sebagai contoh, idea yang dikemukakan oleh Ibn ‘Asyur sebagai rahsia yang dapat difahami daripada keseluruhan ataupun sebahagian besar proses pensyariatan (Ibn ‘Asyur, 1946). Al-Fasi mentakrifkan sebagai objektif yang datang dari syariat Islam dan rahsia-rahsia syariat yang diturunkan oleh Allah (Al-Fasi, 1966). Menurut Raysuni pula *maqasid syariah* adalah matlamat yang ditentukan oleh syariat Islam bagi mencapai kemaslahatan serta menolak mafsadah (Al-Raysuni, 1995).

Dalam membahaskan *maqasid syariah*, penting bagi kita untuk memahami perbezaan antara *maqasid* dan *al-wasail*. Sebagaimana idea yang dikemukakan oleh Al-Qarafi, *maqasid* adalah *al-mutadamminatu li al-masalah wa al-mafasid fi anfusihā*, yang bermaksud mengandungi maslahah dan mafsadah pada dirinya. Sementara wasail pula adalah *al-turuq al-mufidiyatu ilaiha*, yang bermaksud jalan yang membawa kepada maslahah/kebaikan ataupun mafsadah/keburukan (Jasser Auda, 2014). Selain itu, ketika berbahas ilmu *maqasid syariah*, maka kita tidak dapat lari daripada perbahasan dikemukakan oleh Al-Syatibi dalam pembahagian maslahah mengikut keutamaan dharuriyat, hajiyat, dan tahnisiyyat (Al-Syatibi, 1998). Ibn Asyur menghuraikan maksud dharuriyyat sebagai perkara yang paling penting dalam urusan keagamaan dan keduniaan dan sekiranya ditinggalkan dapat memberikan kemafsadan kepada manusia, hajiyat pula dapat diertikan sebagai perkara yang diperlukan untuk menghindari kesulitan manakala tahnisiyyat bermaksud perkara pelengkap untuk mempercantik dan memperelok sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Allah SWT (Ibn ‘Asyur, 1946). Ulama’ tradisional semisal Al-Ghazzali membahagikan perkara dharuriyat kepada lima bahagian (*al-dharuriyyat al-khamsah*) iaitu menjaga maslahah agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Menjaga maslahah agama menduduki kedudukan yang teratas dalam memelihara maslahah dharuriyyah diikuti dengan nyawa, akal, keturunan, dan harta (Al-Ghazzali, 1977).

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM CADANGAN PINDAAN RUU 355

Pengkaji mendapati bahawa cadangan pindaan RUU 355 sememangnya mempunyai hubungjalin yang kuat dalam *maqasid syariah*. Hal ini demikian kerana cadangan pindaan ini dapat memberikan institusi Mahkamah Syariah berdiri lebih gah. Bahkan Malaysia sebagai negara Islam sewajarnya meletakkan Mahkamah Syariah berada di kedudukan yang paling tinggi dalam sistem perundangan negara. Adalah ditekankan bahawa Cadangan Pindaan RUU 355 bukanlah hukuman hudud seperti mana yang dianggap oleh sesetengah pihak. Hal ini disebabkan oleh hukuman hudud adalah bercanggah dengan perlembagaan persekutuan dan adalah agak sukar untuk meminda perlombagaan persekutuan kerana ianya memerlukan majoriti 2/3 ahli parliment dewan rakyat. Cadangan pindaan RUU 355 ini adalah hanya merupakan perluasan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Cadangan pindaan RUU 355 mempunyai maqasid syariah yang tersendiri antaranya adalah seperti berikut:

Menjaga maslahah serta menolak mafsadah

Memelihara kemaslahatan umat Islam merupakan satu perkara yang amat penting bagi pemimpin yang beragama Islam. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh (تصريف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة) yang bermaksud “Tindakan yang dilakukan pemimpin terhadap rakyat hendaklah berpaksikan kepada

kemaslahatan rakyatnya" (Mustafa al-Zarqa, 2001). Hukuman atau '*uqubah*' yang dijatuhkan ke atas penjenayah hanyalah bermatlamat untuk menjaga maslahah umat manusia khususnya umat Islam agar terhindar daripada kejahatan sama ada di dunia atau akhirat yang akan tercapai melalui penguatkuasaan (Fathurrahman, 1997). Sarjana Islam kontemporari telah meletakkan beberapa matlamat utama dalam undang-undang jenayah Islam iaitu sebagai unsur pencegahan. Hal ini bermaksud, sebarang ruang atau perkara yang boleh membawa kepada kerosakan akan dielakkan dan dicegah terlebih dahulu bertujuan untuk menjaga kebaikan masyarakat awam. Sahsiah manusia akan lebih terdidik serta memberi manfaat kepada dirinya sendiri, masyarakat, dan negara serta lebih berhati-hati daripada mengulangi kejahatan yang sama melalui pelaksanaan hukuman dalam Islam (Abd Ghani, 1997).

Kepentingan menjaga maslahah umat Islam turut disokong oleh sarjana semisal Al-Raysuni di mana beliau berpandangan bahawa setiap pensyariatan adalah untuk menolak mafsadah (Al-Raysuni, 1995). Hal ini juga bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu *(درء المفاسد مقدم على جلب المصالح)* yang bermaksud "*Menolak mafsadah adalah lebih utama daripada membina maslahah*" (Mustafa al-Zarqa, 2001). Dalam cadangan pindaan RUU 355 menyebut bahawa Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan apa-apa hukuman menurut hukum syarak selagi mana tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Apabila berbicara mengenai sesuatu hukuman menurut hukum syarak maka ianya tidak dapat lari dari perbahasan *maqasid syariah*. Perkara ini disokong oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Beliau berpendapat bahawa sekiranya cadangan pindaan RUU 355 ini diluluskan, kemaslahatan umat Islam akan lebih terjamin dan dihormati (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016).

Menjamin Keadilan

Keadilan adalah mekanisme yang amat penting dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah. Dalam konteks cadangan pindaan Akta 355, aspek keadilan kepada manusia menjadi matlamat utama dalam pindaan tersebut yang akan menjamin kebahagiaan hidup seterusnya menghasilkan kemakmuran dan kedamaian dalam masyarakat. Perkara ini disokong oleh Imam al-Syinqiti dalam penulisannya yang menyatakan bahawa antara petunjuk al-Quran yang lebih tepat dan adil adalah hukuman *qisas*, kerana apabila seseorang itu marah kemudian bertekad untuk membunuh orang lain, lalu terlintas difikirannya bahawa sekiranya dia membunuh akan dibalas dengan bunuh, maka ia akan menjadi takut dari akibat perbuatannya lantas dia membatalkan niatnya. Oleh itu, orang yang diniatkannya untuk dibunuh itu terus hidup dan dirinya sendiri pun terus hidup kerana tidak dikenakan hukuman *qisas* sekiranya dia membatalkan niatnya untuk membunuh (Al-Syinqiti, 1995).

Walaupun kesalahan jenayah bunuh tidak terdapat dalam cadangan pindaan RUU 355, namun hujah tersebut menunjukkan bukti bahawa betapa hukuman jenayah syariah bukan sahaja adil kepada mangsa jenayah bahkan adil kepada penjenayah. Selain itu, bagi menjamin keadilan dapat ditegakkan, beberapa perkara perlu diperhalusi (Bahnasi, 1984), iaitu:

- i. Hukuman yang diperuntukkan mestilah mempunyai termaktub dalam kanun Syariah agar ia tidak melanggar batasan yang telah ditentukan oleh syarak.
- ii. Islam mensyaratkan bahawa setiap manusia akan menanggung dosanya sendiri dan orang lain tidak akan memikul dosa tersebut.
- iii. *Uqubah* mesti bersesuaian dengan jenayah yang dilakukan.
- iv. Umat manusia akan diadili secara adil tanpa mengira darjat dan harta.

Mencegah Kemudaratan

Mencegah kemudaratan merupakan aspek penting dalam *maqasid syariah*. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu *(الضرر يدفع بقدر الامكان)* yang bermaksud, "*Kemudaratan mesti dicegah*

sekadar yang mungkin” (Mustafa al-Zarqa, 2001). Pengkaji melihat bahawa cadangan pindaan RUU 355 sememangnya dapat mencegah kemafsadahan dan kerosakan yang dibuat oleh umat Islam. Islam telah meletakkan unsur pencegahan yang bersifat universal iaitu mencegah sebelum perbuatan jenayah dilakukan serta menutup ruang agar jenayah yang sama tidak berulang. Perkara ini dapat memberikan maslahah kepada umat manusia kerana dapat memberi ibrah kepada manusia lain (Ahmad Ibrahim, 1978). Oleh itu, *uqubah* merupakan langkah pencegahan supaya jenayah yang sama tidak berulang. Sekalipun apa yang telah berlaku melibatkan individu, namun jenayah yang berulang mungkin akan melibatkan ramai mangsa. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya pencegahan melalui hukuman dikenakan ke atas pesalah. ‘*Uqubah* akan menjadi *mawani*’ yakni pencegah daripada jenayah dilakukan dan menjadi seksaan selepas melakukannya, justeru dengan wujudnya penguatkuasaan dan hukuman itu akan menghalang seseorang dari melakukan jenayah atau menghalangnya dari mengulangi perbuatan itu selepas dikenakan hukuman (Mahmood Zuhdi, 1992). Sebagaimana firman Allah yang secara jelasnya memberi isyarat kepada objektif pencegahan ini:

وَمَا نُرِيْهُمْ مِنْ آيَةٍ إِلَّا هِيَ أَكْبَرُ مِنْ أَخْتِهَا مُّظَاهِرٌ وَأَخْدَنَاهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahan: Dan tidaklah Kami memperlihatkan kepada mereka sesuatu tanda kebenaran Nabi Musa melainkan tanda itu adalah lebih terang dari yang terdahulu daripadanya; dan Kami timpakan mereka dengan berbagai azab (bala bencana) supaya mereka kembali (bertaubat). (al-Quran, 43:48)

Sebagai contoh, menghadkan hukuman 100 sebatan dalam cadangan pindaan RUU 355 Islam adalah untuk mencegah kemudarat. Hukuman 100 sebatan mengikut kaedah hukuman Syariah adalah tidak keterlaluan kerana ianya berbeza sama sekali berbanding cara sebatan hukuman sivil.⁵ Hukuman 100 sebatan tersebut sebenarnya adalah unsur-unsur amaran daripada hukuman jenayah syariah supaya menjauhi sebarang perbuatan jenayah. Contoh yang lain seperti jenayah zina. Allah S.W.T telah melarang keras akan perbuatan zina sebagaimana larangannya secara jelas di dalam surah al-Isra’ ayat 32 dengan melarang orang-orang Islam mendekati zina. Hal ini disebabkan oleh perbuatan zina merupakan perbuatan yang keji dan terkutuk. Atas rasa kasih Allah S.W.T ke atas makhluknya, maka perbuatan keji itu telah diharamkan. Sebenarnya pensyariatan hukuman zina sudah pun menjadi perkara utama dalam pemeliharaan lima konsep maqasid syariah (Haron Din, 2012).

Terapi dan Pendidikan

Hukuman dalam kanun Islam bukanlah bersifat dendam dan seksaan, tetapi sebagai pengajaran dan pendidikan (ta’dib) serta pemulihan secara terapi dan pemberian (istislah). Hukuman dalam cadangan pindaan RUU 355 boleh diklasifikasikan dalam skop hukuman ta’zir yang berpotensi sebagai terapi kepada jiwa yang sakit untuk kembali kepada fitrah insani, kerana jiwa yang tidak sihat sekiranya tidak diubati akan menjadi *virus* yang boleh membahayakan orang lain. Oleh itu, suntikan terapi pemulihan perlu diberikan bagi menjaga keamanan dan kebahagiaan hidup umat manusia (Mahmood Zuhdi, 1992). Mahmud Syaltut mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini. Beliau berpendapat bahawa matlamat hukuman adalah untuk istislah dan menyelamatkan umat manusia. Sebagai contoh seorang doktor yang memotong atau membuang bahagian daripada badan manusia untuk menyelamatkan nyawanya (Mahmud Syaltut, 1974).

Pemulihan juga mempunyai signifikannya yang tersendiri. Pemulihan adalah proses terapi untuk membawa penjenayah supaya diterima kembali oleh masyarakat. Perkara ini dapat diteliti dalam

⁵ Asyraf Wajdi, "Menjawab 10 Salah Faham Mengenai Pindaan RUU Akta 355," Laman sesawang ISMAweb | Portal Islam dan Melayu, <http://www.ismaweb.net/2016/06/menjawab-10-salah-faham-mengenai-pindaan-ruu-akta-355/>, diterbitkan pada 1 Jun 2016, dicapai pada 3 Jun 2018.

hukuman seperti buang daerah dan penjara. Berlandaskan tujuan inilah sebahagian ulama berpandangan tempoh penahanan perlu dilanjutkan sehingga penjenayah benar-benar berubah dan insaf (Paizah Ismail, 2008).

Memartabatkan Institusi Mahkamah Syariah

Sebelum kedatangan penjajah di tanah Melayu, Mahkamah Syariah merupakan tempat masyarakat mendapatkan keadilan serta membela diri. Kuasa rayuan pula terletak pada Sultan (Ahmad Ibrahim, 1997). Namun, selepas penjajahan British, mahkamah-mahkamah lain telah ditubuhkan atas nasihat pihak berkuasa British lalu menjadikan taraf Mahkamah Syariah menjadi lebih rendah dan bidang kuasanya menjadi terbatas. Mahkamah Syariah berada dalam struktur dan hierarki mahkamah negara bersama mahkamah yang lain sebelum tahun 1948, namun dengan lulusnya Courts Ordinance 1948, Mahkamah Syariah telah dipisahkan daripada Mahkamah Persekutuan (Zaini Nasohah, 2004).

Walaupun kredibiliti Mahkamah Syariah dipandang rendah oleh sebahagian masyarakat di Malaysia, namun ia memainkan peranan yang penting sebagai sebuah institusi yang sah di Malaysia. Jika dilihat kepada sejarah, Mahkamah Syariah wujud jauh lebih dahulu berbanding dengan Mahkamah Sivil namun pembangunan Mahkamah Syariah tergendala kerana diabaikan oleh penjajah. Walaupun negara telah mencapai kemerdekaan, Mahkamah Syariah masih ketinggalan kerana pihak berkuasa tidak berusaha sepenuhnya untuk meningkat peranannya. Perbezaan lain lagi antara Mahkamah Syariah dan mahkamah lain ialah bukan sahaja prasarana Mahkamah Syariah agak ketinggalan dari Mahkamah Sivil tetapi juga gaji hakim-hakim di Mahkamah Syariah juga terlalu kecil jika dibandingkan dengan hakim-hakim di Mahkamah Sivil.⁶ Oleh itu, umat Islam tidak boleh memandang enteng akan perkara ini kerana akan menyebabkan Mahkamah Syariah terkandas di tahap yang lama disebabkan oleh bidang kuasa yang sangat sempit. Sekiranya cadangan pindaan Akta 355 ini diluluskan, maka tidak syak lagi martabat Mahkamah Syariah akan terangkat sekaligus akan membuka peluang-peluang pekerjaan dalam bidang penguatkuasaan jenayah Syariah di Mahkamah Syariah.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa cadangan pindaan Akta 355 Bidangkuasa Jenayah Syariah sememangnya mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan *maqasid syariah*. Bahkan sesungguhnya, setiap hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan Islam tidak dapat tidak, mempunyai *maqasid syariah* di sebalik pensyariatan hukuman tersebut. Hukuman dalam cadangan pindaan Akta 355 adalah bukan sahaja untuk menjaga kemaslahatan umat Islam, bahkan bukan Islam akan turut terasa keadilannya. Masyarakat awam sewajarnya diberikan pendedahan bahawa betapa pentingnya kajian *maqasid syariah* dalam jenayah syariah, serta hukuman-hukuman lain seperti *hudud*, *qisas*, dan *diyat*. Pendedahan kajian ini sangat penting terutama kepada masyarakat awam untuk mengelakkan salah faham dan kekeliruan terhadap perundangan Islam sekaligus membuka mata masyarakat bahawa betapa adil dan sejahteranya hukuman yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. Pengkaji yakin bahawa sekiranya cadangan pindaan Akta 355 ini diluluskan, masyarakat awam akan menyedari hakikat kebaikan perundangan Islam dan akan timbulnya persoalan-persoalan seperti “*mengapakah perundangan Islam ini tidak dilaksanakan dengan lebih awal lagi?*”. Pengkaji berharap bahawa kajian mengenai *maqasid syariah* dalam pelaksanaan hukuman jenayah Syariah dapat diteruskan dan diperdalam pada masa akan datang.

⁶Zainul Rijal Abu Bakar. "Peranan Martabatkan Mahkamah Syariah," Laman sesawang Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1117&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm, diterbitkan pada 17 November 20100, dicapai pada 3 Jun 2018.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Dalam usaha memantapkan institusi Mahkamah Syariah, cadangan pindaan Akta 355 Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah atau lebih dikenali dengan RUU 355 adalah usaha yang bijak. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa umat Islam tidak seharusnya terlalu gopoh dalam melaksanakan perundangan Islam kerana kegagalan dalam mentadbir perundangan Islam akan menatijahkan fitnah dan imej yang buruk kepada agama Islam keseluruhannya. Oleh itu, sekiranya cadangan pindaan RUU 355 ini diluluskan, pengkaji membuat beberapa cadangan teras supaya pentadbiran dan perjalanan Mahkamah Syariah lebih mantap dan lancar. Antara cadangan tersebut ialah:

1. Meningkatkan Tahap Profesional Hakim Syarie

Profesional merupakan aspek yang penting dalam menjamin kelancaran pelaksanaan perundangan Islam. Perkara ini sangat penting untuk diterapkan kepada hakim-hakim ni Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, mewajibkan hakim-hakim di Mahkamah Syariah sekurang-kurangnya mempunyai ijazah kedoktoran falsafah khusus dalam bidang Syariah atau Kehakiman Islam. Hal ini akan memberikan impak yang sangat besar pada Mahkamah Syariah kerana para hakim di dalamnya adalah para akademik dan pakar dalam bidang masing-masing. Sesungguhnya Hakim Syarie memikul bebanan yang amat berat. Hal ini kerana, Hakim Mahkamah Syariah yang akan menjadi cerminan kepada implementasi undang-undang Islam. Mereka perlu membuktikan bahawa hukum hakam Islam bukan sahaja yang terbaik dari segi teorinya tetapi juga terbaik dari segi pelaksanaannya. Jika mereka cuai atau tersilap dalam menghakimi kes, bukan mereka sahaja yang akan dikecam tetapi juga hukum syarak akan turut dikatakan tidak adil dan memberikan kezaliman. Oleh itu, perhatian yang berat perlu diberikan kepada pendidikan dan latihan pegawai kehakiman dan perundangan yang akan terlibat dengan pentadbiran hukum syarak di Mahkamah Syariah. Sekiranya cadangan pindaan RUU 355 diluluskan, Mahkamah Syariah terlebih dahulu perlu diberikan pendedahan serta kursus-kursus yang khas kepada para hakim di Mahkamah Syariah. Hal ini supaya perbicaraan dapat berjalan dengan lancar dan tidak kekok.

2. Mewujudkan *Klinik Hukum Syarak & Undang-Undang*

Usaha ini termasuk dalam peranan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Klinik hukum syarak ini berfungsi untuk ‘merawat’ penyakit ketidakfahaman atau kejihilan masyarakat dan orang awam mengenai persoalan hukum syarak. Wujudnya klinik hukum syarak ini sememangnya dapat membantu masyarakat yang mempunyai kemusykilan mengenai persoalan atau isu-isu berkaitan agama Islam dengan menyediakan khidmat hukum syarak serta kaunseling. Ahli-ahlinya pula mestilah terdiri daripada orang-orang yang pakar dan profesional dalam bidang pengajian Islam dan undang-undang. Sebagai contoh, di Universiti Kebangsaan Malaysia, telah wujud satu klinik hukum syarak di Jabatan Syariah. Klinik tersebut menyediakan khidmat menjawab persoalan hukum syarak yang merangkumi pelbagai bidang seperti ibadat, muamalat, jinayat, munakahat, akidah, khidmat kaunseling dalam guaman Islam, perwarisan harta dalam Islam dan cabang-cabang ilmu yang lain. Ahli-ahli *klinik* tersebut pula terdiri daripada ahli akademik yang sememangnya pakar dalam bidang masing-masing. *Klinik Hukum Syarak* seperti inilah perlu diwujudkan lebih banyak supaya masyarakat mempunyai tempat yang betul untuk merungkai persoalan hukum syarak.

3. Menubuhkan Institusi Kajian Perundangan Syariah

Institusi kajian perlu ditubuhkan untuk mengkaji kelemahan dan kekurangan dalam cadangan pindaan Akta 355 Kanun Jenayah Syariah untuk dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Institusi kajian mengenai perundangan Islam pada masa kini sangat penting kerana perlunya kepakaran untuk mengaplikasikan pendapat ulama’ silam untuk dipraktikkan pada zaman sekarang. Institusi kajian yang berautoriti yang dapat mentarjihkan pendapat-pendapat ulama’ silam yang berbagai mazhab untuk dicantumkan dan dijadikan rujukan-rujukan di Mahkamah Syariah. Hal ini

memudahkan para hakim untuk menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Perkara ini sangat penting kerana sekiranya hakim tersilap dalam menghakimi pesalah akan membawa imej yang buruk kepada Islam. Maka dengan kajian yang dibuat oleh institusi ini akan menjelaskan kepada kita antara undang-undang yang tidak bercanggah dengan Islam untuk dikekalkan dan ditambah baik dan undang-undang yang jelas bertentangan dengan Islam perlu dihapuskan.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abd Ghani Azmi Idris, 1997. Mengenal qanun jenayah Islam. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ahmad Ibrahim, 1997. Kedudukan undang-undang Islam di Malaysia. *Jurnal Hukum*, Jld XI Bhg I, 119.
- Ahmad Ibn Muhammad Al-Zarqa, 2001. Syarh al-qawaaid al-fiqhiyyah, Mustafa Ahmad al-Zarqa. Damsyik: Dar al Qalam.
- Ahmad Ibrahim, 1978. Family law in Malaysia and Singapore. *Malayan Law Journal*.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), (1965).
- Al-Fasi, ‘Alal, 1966. Maqasid al-syariah al-Islamiyyah wa makarimuha. Rabat: Matabi’ al-Risalah.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad, Ibn Muhammad, 1977. Al-mustasfa min ‘Ilm usul. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- Al-‘Izz al Din Abd Salam, 1980. Qawa'id al-ahkam fi masalih al-anam. Kaherah: Dar al-Jayl.
- Al-Raysuni, Ahmad, 1995. Nazariyyat al-maqasid ‘ind al-Imam al-Syatibi, nd. Ma‘had ‘Ali li al-Fikr al-Islami.
- Al-Syatibi, Abu Musa Ibrahim Bin Musa, 1998. Al-muwafaqat fi usul al-syariah. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Syinqiti, Muhammad al-Amin Bin Muhammad al- Mukhtar, 1995. Adwa’ al-bayan fi idhah al-Quran Bi al-Quran. Beirut: Dar al-Fikr.
- Asyraf Wajdi. 2016, 1 Jun. Menjawab 10 salah faham mengenai Pindaan RUU Akta 355. ISMAweb | Portal Islam dan Melayu. Dicapai pada 3 Jun 2018 dari <http://www.ismaweb.net/2016/06/menjawab-10-salah-faham-mengenai-pindaan-ruu-akta-355/>
- Bahnasi, Ahmad Fathi, 1984. Al-‘Uqubah fi al-Fiqh al-Islami. Beirut: Dar al-Raid al- ‘Arabi.
- Fathurrahman Djamil 1997. Fikih hukum Islam. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Harakah Daily*. Dicapai dari <http://www.harakahdaily.net.my/index.php/kesatuan-fikrah/41803-pindaan-ruu-355-menyelusuri-sejarah>
- Haron Din, 2012. Hukum hudud dalam perundangan Islam. Selangor: PSN Publication Sdn. Bhd.
- Ibn ‘Asyur, Muhammad al-Tahir, 1946. Maqasid al-syari‘ah al-Islamiyyah. Tunisia: Maktabah al-Istiqamah.
- Ibn Manzur, Muhammad, nd. Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, nd. I‘lam al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Alamin. Jilid 2. Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jasser Auda. (2014). Memahami maqasid syariah. Penterjemah: Marwan Bukhari bin Abd Hamid. Selangor: PTS Media Group Sdn Bhd.
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. Perlaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia ditinjau dari perspektif Maqasid Syariah dalam perlaksanaan Hudud di Malaysia: Satu analisa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmud Syaltut, 1974. Tafsir al-Quran al-Karim. Kaherah.
- Muhammad Muslehuddin, 1992. Jenayah dan doktrin Islam dalam tindakan pencegahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paizah Ismail, 2008. Kaedah pembuktian dalam kes Hudud. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Dewan Rakyat Malaysia, 2016. Penyata Rasmi (Hansard) Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas 2016.

Wan Mohd Amjad Bin Wan Halim, Ahmad Nur Amsyar Bin Zainal, Nur Madihah Binti Zainol
Abidin

Jurnal Intelek Vol 13, Issue 2 (2018)

Zaini Nasohah, 2004. "Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia: Sebelum dan menjelang merdeka,"
Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016. Bayan Linnas ke-67: "Isu Cadangan Pindaan Akta 355: Satu
Pendapat".

Zainul Rijal Abu Bakar, 2010, 17 November. Peranan Martabatkan Mahkamah Syariah, *Utusan
Malaysia*. Dicapai dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1117&pub=Utusan_Malaysia &sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm